



UNIK DAN MENARIK...Ciptaan Antony dan Norazeli iaitu sebahagian daripada pelajar FSGK Unimas dapat disaksikan semasa pameran C.I.P.T.A 2002 di Dewan dan Galeri Unimas bermula 26 Februari ini.

Pameran C.I.P.T.A pelajar Unimas 26 Februari ini

KUCHING, Rabu — Pelajar tahun akhir Falkuti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) Universiti Malay-sia Sarawak (Unimas) sekali lagi akan mengadakan pameran C.I.P.T.A 2002.

Pameran C.I.P.T.A ataupun singkatnya Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir yang bermula 26 Februari ini dan berakhir 3 Mac 2002 di Dewan dan galeri Unimas.

Ia akan dipersembahkan oleh pelajar tahun akhir FSGK dari teras

Program Seni Tampak, Senireka Teknologi, Seni Persembahan dan Pengajian Kritikal Unimas.

Pameran C.I.P.T.A 2002 dijangka dirasmikan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Mohamad Salahuddin yang juga merupakan Canselor Unimas.

Beberapa ciptaan pelajar yang bakal dipamerkan sempena C.I.P.T.A 2002 seperti "Ngajat" yang dipersembahkan oleh Antony Akang dari Kuching, Sarawak.

Pelajar dari program Seni Halus ini menggunakan komponen kenderaan terpakai untuk menghasilkan karyanya yang unik lagi menarik.

Seorang lagi pelajar yang turut menunjukkan ciptaannya semasa pameran tersebut ialah Norazeli Ali, juga dari program Seni Halus. Norazeli akan mempersembahkan ideanya bertajuk "Intalasi Dokumentasi Seni Bina" yang menggunakan bahan media seperti besi, kertas, kayu dan sebagainya.